

Persidangan ICIS 2010 Bincang Abad Baru Asia

Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 01 Ogos 2010 10:47

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Student


1 OGOS 2010/ 20 SYAABAN 1431H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Persidangan ICIS 2010 Bincang Abad Baru Asia

Oleh: Nor Adila Ab. Kadir

Gambar: Shamsaimi Ezil



Persidangan Antarabangsa Pengajian Antarabangsa Kali Ketiga (ICIS 2010).

UUM ONLINE: Mengurus krisis global dan perubahan struktur politik dan ekonomi menjadi teras kepada perbincangan dan diskusi dalam Persidangan Antarabangsa Pengajian Antarabangsa Kali Ketiga (ICIS 2010).

Isu kemunculan kuasa ekonomi baru di peringkat serantau dan krisis serta kerjasama ekonomi turut dibincangkan dalam persidangan dua hari bermula pada 1 hingga 2 Disember 2010, di Hotel Istana, Kuala Lumpur.

Persidangan antarabangsa ini akan lebih menarik perhatian kerana Setiausaha Agung ASEAN, Dr. Surin Pitsuwan dan mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad akan menyampaikan ucap tama dalam persidangan itu.

Dua tokoh ternama ini akan bersama tokoh lain seperti Yang Berhormat, Tan Sri Rafidah Aziz, Ahli Parlimen Kuala Kangsar yang juga Profesor Adjung UUM; Pengerusi Malaysia Airlines, Dr. Mohamed Munir; Ketua Pegawai Eksekutif Asian Strategik, Dato' Dr. Michael Yeoh mampu menarik perhatian lebih ramai peserta kerana mereka dapat mengupas dengan lebih terperinci berkaitan hubungan serantau di peringkat Asia.

Persidangan ini yang dianjurkan bersama oleh UUM College of Law, Government and International Studies (COLGIS), dan Association of International Studies Malaysia, (AIS) serta kerjasama antara Malaysia Institute of Diplomacy and Foreign Relations (IDFR) dan Institut Pemikiran Tun Dr Mahathir Mohamad (IPDM), UUM.

Pengarah ICIS 2010, Dr. Mohd Azizuddin Mohd Sani berkata, fokus perbincangan dalam persidangan yang bertema *The New Asian Century* membabitkan isu percaturan politik serantau dan ekonomi abad Asia ke-21.

Menurutnya, objektif persidangan bertujuan memudahkan pertukaran idea-idea tentang isu-isu kontemporari dalam kajian antarabangsa, khususnya berkaitan dengan tema utama iaitu berkaitan isu-isu dalam negara-negara Asia.

"Perbincangan tentang Asia Baru perlu diperhalusi kerana zaman kegemilangan Asia sudah mula dirasai oleh kuasa-kuasa dunia luar.

"Abad ke-19 didominasi oleh Britain dan abad ke-20 dikuasai oleh Amerika Syarikat, kini, abad ke-21 adalah hak milik Asia," katanya.

Katanya, persidangan selama dua hari itu menyaksikan tokoh akademik dari seluruh dunia akan membentangkan kertas kerja merangkumi strategi dan pelaksanaan ke arah Asia baru, krisis global membabitkan aspek ekonomi serta pembangunan strategik daripada perspektif politik.

Tambahnya lagi, persidangan ini akan membincangkan empat topik utama membabitkan aspek menguruskan krisis dan perubahan global, kemunculan ekonomi baru, implikasi geopolitik dan serantau serta kerjasama dan integrasi ekonomi.

Sebarang maklumat lanjut sila layari laman web di www.icis.uum.edu.my.

Habis.